

LAMPIRAN A

KRITERIA DAN SYARAT-SYARAT PENGANUGERAHAN SIJIL PENGIKTIRAFAN “KOMPETENSI BERASASKAN INTEGRITI” KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Pengenalan

Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Bilangan 2 Tahun 2022 pada 2 Ogos 2022 telah bersetuju supaya penganugerahan Sijil Pengiktirafan “Kompetensi Berasaskan Integriti” kepada pegawai KPT yang ditandatangani oleh YBhg. Dato’ Seri Ketua Setiausaha diadakan secara tahunan.

Sijil ini merupakan inisiatif Pengiktirafan Integriti yang pertama diperkenalkan sejak Unit Integriti KPT diwujudkan semula pada 9 Mac 2020 selepas dipisahkan daripada portfolio Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tajuk sijil ini adalah selaras dengan Strategi keempat dalam Pelan Antirasuah KPT 2022-2026, iaitu “Membudayakan Kompetensi Berasaskan Integriti”.

Objektif

- i. Memberi pengiktirafan kepada warga kerja yang menunjukkan sikap pembudayaan integriti yang tinggi dalam pelaksanaan tugas rasmi, dalam konteks rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa;
- ii. memberi penghargaan atas usaha yang dilakukan oleh pegawai KPT;
- iii. motivasi dan dorongan ke arah memperkuatkannya lagi integriti dan tadbir urus; dan
- iv. dijadikan contoh serta memberi pengaruh kepada amalan budaya kerja berintegriti di KPT

Syarat Kelayakan

- i. Terbuka kepada semua kategori pegawai yang berkhidmat di agensi/jabatan Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi, iaitu Bahagian/Unit di KPT, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) secara tetap, kontrak atau sementara;
- ii. Pegawai yang bertukar/ bersara masih layak diberi pengiktirafan bagi inisiatif semasa berkhidmat di KPT;
- iii. Pengiktirafan adalah atas nama pegawai dan bukannya atas nama jabatan/Bahagian/unit;
- iv. Tiada had bilangan penerima penghargaan pada satu-satu tahun; dan
- v. Pegawai bersetuju untuk dicalonkan. Pegawai boleh memilih menerima anugerah secara terbuka dan diuar-uarkan sebagai penerima anugerah ATAU menerima anugerah dalam majlis tertutup tanpa hebahan.

Kriteria

- i. Melaporkan pelanggaran tatakelakuan sehingga membawa kepada Laporan Pengesanan dan Pengesahan, penubuhan Jawatankuasa Siasatan Dalaman, atau Kertas Pertimbangan Tatatertib; **atau**
- ii. Memberi kerjasama dalam tindakan pengesanan dan pengesahan oleh Unit Integriti KPT, Jawatankuasa Siasatan Dalaman, atau pihak berkaitan; **atau**
- iii. Mengambil sebarang tindakan korektif, preventif dan proaktif bagi mengelakkan kerugian berterusan atau mengelakkan reputasi dan nama baik KPT dan Perkhidmatan Awam terjejas.

Pencalonan

- i. Pencalonan oleh Unit Integriti KPT berdasarkan kriteria di atas dalam konteks isu ketirisan, rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa;
- ii. Pencalonan oleh semua Ketua Jabatan/Agensi/ Bahagian dan Unit di bawah KPT melalui penghantaran borang pencalonan kepada Unit Integriti KPT; dan
- iii. Tempoh pencalonan dibuka sehingga dari Januari hingga 30 September setiap tahun.

Penganugerahan

- i. Penerima dinilai dan diperakukan oleh Jawatankuasa Panel Penilai Pengiktirafan Integriti;
- ii. Penyampaian Sijil yang ditandatangani oleh YBhg. Dato' Seri Ketua Setiausaha KPT; dan
- iii. Lain-lain penghargaan yang dirasakan bersesuaian.

Calon yang dikenal pasti telah memberikan sumbangan yang luar biasa boleh disyorkan oleh Jawatankuasa Panel Penilai Pengiktirafan Integriti kepada YBhg. Dato' Seri Ketua Setiausaha KPT supaya Sijil calon tersebut diangkat untuk pertimbangan dan tandatangan YB Menteri Pengajian Tinggi.